PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku pertama 2016. Pada kadar semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil, diniagakan dalam julat 3.01% hingga 3.24% pada suku pertama. Kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang kekal tinggi pada bulan Januari, mencerminkan persaingan yang berterusan untuk pendanaan yang stabil dan pengagihan mudah tunai yang tidak sekata antara bank. Pengurangan Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang berkuat kuasa 1 Februari 2016 menyebabkan peningkatan mudah tunai secara menyeluruh dalam sistem perbankan. Susulan pengurangan SRR ini, aktiviti pemberian pinjaman antara bank yang lebih tinggi dicatatkan, yang seterusnya meningkatkan pengagihan mudah tunai dalam sistem perbankan dan mengurangkan tekanan terhadap Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (KLIBOR). Bagi suku pertama secara keseluruhannya, KLIBOR 3 bulan menurun daripada 3.84% kepada 3.71%. Swap kadar faedah terus menunjukkan trend yang lebih rendah pada suku pertama, mencerminkan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang lebih rendah.

Sepanjang suku pertama, kadar asas (base rate, BR) purata bank perdagangan meningkat sedikit daripada 3.86% kepada 3.89%, mencerminkan peningkatan awal dalam KLIBOR menjelang akhir tahun 2015. Bagi suku pertama secara keseluruhannya, kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul kekal stabil (akhir bulan Mac: 5.41%; akhir Disember 2015: 5.40%).

Kadar Faedah

	2015		2016
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.25	3.25	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	3.24	3.05	3.04
1 bulan	3.28	3.45	3.25
Kadar pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.79	6.79	6.80
Kadar asas (BR)			
Bank perdagangan	3.90	3.86	3.89
Kadar pinjaman purata (ALR)			
berwajaran Bank perdagangan	5.48	5.40	5.41
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	3.08	3.08	3.08
12 bulan	3.31	3.31	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan



Sumber: Bursa Malaysia

M3 berkembang pada suku pertama

Wang secara kecil atau M1, menyusut sebanyak RM6.3 bilion pada suku ini. Pada asas tahunan, M1 menguncup sebanyak -1.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 4.1%). Penguncupan dalam M1 mencerminkan terutamanya pengeluaran deposit permintaan untuk bayaran balik pinjaman sekali sahaja yang besar oleh perniagaan domestik. Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM9.8 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 2.6%).

Peningkatan M3 yang lebih perlahan pada suku pertama mencerminkan terutamanya pemberian kredit yang lebih sederhana kepada sektor swasta oleh sistem perbankan. Pada asas tahunan, pertumbuhan wang secara luas yang lebih sederhana juga mencerminkan aset asing bersih yang lebih rendah disebabkan oleh aliran keluar sektor luaran.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku pertama. Pengurangan nisbah keperluan rizab berkanun (SRR) daripada 4.00% kepada 3.50% yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2016 menyebabkan peningkatan mudah tunai secara menyeluruh dalam sistem perbankan. Susulan pengurangan SRR ini, aktiviti pemberian pinjaman antara bank yang lebih tinggi dicatatkan dan ini sebahagiannya melegakan permintaan terhadap operasi repo berbalik BNM.

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**35.9**	**12.1**	**40.8**	**9.8**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-4.6	5.2	-8.8	-1.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	28.3	31.6	120.1	11.0
Pinjaman	*25.2*	*25.7*	*106.1*	*10.6*
Sekuriti	*3.1*	*5.9*	*14.0*	*0.3*
Aset asing bersih[1]	-3.4	13.5	-35.6	11.2
BNM	*-26.6*	*8.6*	*-56.3*	*3.0*
Sistem Perbankan	*23.2*	*5.0*	*20.7*	*8.2*
Pengaruh lain	15.6	-38.2	-35.0	-11.4

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan sektor swasta menjadi sederhana pada suku pertama

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM286.6 bilion (S4 2015: RM331.4 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang 7.6% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 8.6%).

Pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan adalah lebih rendah sebanyak 3.6 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM4.9 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.2% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 8.0%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding dengan pengeluaran pinjaman. Paras pinjaman yang dikeluarkan kepada perniagaan secara keseluruhan meningkat pada kadar tahunan sebanyak 1.1% kepada RM191 bilion pada suku pertama (S1 2015: RM189 bilion). Walau bagaimanapun, pinjaman yang dikeluarkan kepada syarikat besar meningkat kepada RM130 bilion (S1 2015: RM123 bilion).

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM7.1 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM16.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menurun kepada 6.4% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 7.7%), mencerminkan terutamanya pemberian pinjaman yang sederhana untuk *pembelian sekuriti, pembelian harta bukan kediaman* dan *perbelanjaan kad kredit.*

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dana bersih yang lebih rendah diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh melalui pasaran modal menurun kepada RM25.4 bilion pada suku pertama 2016 (S4 2015: RM51.4 bilion). Walaupun aktiviti pemerolehan dana disokong terutamanya oleh terbitan sektor awam yang lebih tinggi, peningkatan ini sebahagian besarnya diimbangi oleh pembiayaan sektor swasta yang lebih rendah dalam pasaran hutang dan ekuiti.

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2015			2016	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**283.1**	**331.4**	**1,189.5**	**286.6**	**0.2**	**6.9**	**1.2**	**1.2**
Pengeluaran pinjaman	267.4	283.3	1,088.1	262.0	3.5	-1.5	1.3	-2.0
PDS kasar[1]	11.0	40.6	83.5	17.9	-45.2	91.4	1.1	63.0
Ekuiti	4.7	7.5	17.9	6.7	11.3	681.5	-6.5	42.8
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**26.0**	**53.3**	**152.8**	**11.3**	**8.3**	**8.6**	**8.6**	**7.6**
Sistem perbankan	23.7	24.0	113.4	5.6	9.2	7.9	7.9	6.5
*Pinjaman terkumpul (A)**	*22.2*	*21.1*	*105.4*	*4.3*	*9.2*	*7.9*	*7.9*	*6.4*
Pemegangan PDS	*1.5*	*2.9*	*8.0*	*1.3*	*8.2*	*8.0*	*8.0*	*7.7*
PDS terkumpul (B)	3.8	32.2	47.4	7.0	5.4	10.7	10.7	11.4
Memorandum								
PDS kasar[2]	11.4	40.6	85.6	40.6	-44.3	87.9	0.2	60.5

* Termasuk pinjaman sistem perbankan yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan bukan permastautin
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan bukan permastautin
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)				Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
					(%)	
	S1 2015	S4 2015	2015	S1 2016		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**189.0**	**206.5**	**787.2**	**191.0**	**72.9**	**42.9**
Syarikat besar[1]	*123.0*	*138.1*	*519.9*	*130.0*	*49.6*	*24.8*
*PKS**	*66.0*	*68.5*	*267.4*	*61.0*	*23.3*	*18.1*
Sektor terpilih[1]						
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.8	10.2	39.9	11.2	4.3	2.5
Perlombongan dan kuari	7.0	5.9	20.4	1.8	0.7	0.9
Perkilangan	50.4	53.4	209.9	48.9	18.7	6.9
Pembinaan	17.4	16.7	65.1	16.9	6.4	4.4
Harta tanah	13.3	13.3	53.3	12.6	4.8	7.0
Bekalan elektrik, gas dan air	1.8	2.7	8.9	2.3	0.9	0.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	47.0	52.7	199.4	47.4	18.1	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	6.1	4.0	22.5	5.4	2.1	2.3
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	24.9	31.6	104.1	28.3	10.8	6.9
Isi rumah	**78.4**	**76.8**	**300.9**	**70.9**	**27.1**	**57.1**
Pembelian harta kediaman	21.0	21.7	84.7	20.1	7.7	28.9
Kredit penggunaan	44.4	44.9	172.5	41.1	15.7	16.8
Antaranya:						
Kad kredit	*26.3*	*27.2*	*102.4*	*26.0*	*9.9*	*2.4*
Pembelian kereta penumpang	*10.8*	*10.1*	*40.4*	*8.5*	*3.3*	*10.0*
Lain-lain	13.0	10.1	43.7	9.7	3.7	11.5
Jumlah	**267.4**	**283.3**	**1,088.1**	**262.0**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2015			2016	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	178.5	215.6	827.2	187.7	-3.9	2.6	0.6	5.1
Kelulusan pinjaman	94.0	100.2	393.2	76.7	3.1	-5.8	-2.0	-18.4
Pengeluaran pinjaman	267.4	283.3	1,088.1	262.0	3.5	-1.5	1.3	-2.0
Bayaran balik pinjaman	255.6	266.9	1,021.1	264.7	4.0	3.2	2.5	3.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	22.2	21.1	105.4	4.3	9.2	7.9	7.9	6.4
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan[1,2]								
Permohonan pinjaman	78.4	107.6	396.8	87.8	-9.1	7.2	2.7	11.9
Kelulusan pinjaman	39.9	49.0	179.9	35.7	14.5	6.2	12.4	-10.4
Pengeluaran pinjaman	189.0	206.5	787.2	191.0	2.7	-1.6	2.2	1.1
Bayaran balik pinjaman	187.8	201.1	757.5	194.9	4.6	4.6	3.0	3.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	9.8	4.9	39.6	-3.6	8.9	8.0	8.0	5.2
PKS[1]								
Permohonan pinjaman	42.4	41.6	186.2	41.0	-2.4	-8.6	3.0	-3.3
Kelulusan pinjaman	15.9	14.9	64.8	14.2	5.5	-5.6	1.6	-10.9
Pengeluaran pinjaman	66.0	68.5	267.4	61.0	18.9	10.2	14.4	-7.6
Bayaran balik pinjaman	60.3	66.4	254.1	60.8	14.4	15.4	14.2	0.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	14.5	5.7	33.8	2.4	17.2	15.0	15.0	9.0
Syarikat besar[2]								
Permohonan pinjaman	36.1	66.0	210.6	46.8	-15.8	20.3	2.5	29.8
Kelulusan pinjaman	24.0	34.1	115.0	21.6	21.3	12.3	19.6	-10.0
Pengeluaran pinjaman	123.0	138.1	519.9	130.0	-4.2	-6.6	-3.1	5.7
Bayaran balik pinjaman	127.5	134.7	503.4	134.1	0.6	-0.1	-1.9	5.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-4.7	-0.8	5.8	-6.0	2.3	2.2	2.2	1.7
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	100.1	108.0	430.4	99.9	0.7	-1.5	-1.3	-0.2
Kelulusan pinjaman	54.1	51.2	213.4	41.0	-3.9	-15.0	-11.6	-24.3
Pengeluaran pinjaman	78.4	76.8	300.9	70.9	5.4	-1.3	-0.9	-9.6
Bayaran balik pinjaman	67.8	65.8	263.7	69.8	2.2	-0.6	1.0	3.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	16.3	16.9	59.0	7.1	9.8	7.7	7.7	6.4

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor awam, dana bersih yang diperoleh sektor awam meningkat kepada RM18.7 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM13.5 bilion). Terbitan kasar adalah lebih tinggi pada RM25.7 bilion (S4 2015: RM21.7 bilion), dengan dana diperoleh terutamanya melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun yang baharu, serta pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) 3 tahun dan 15 tahun serta MGII 20 tahun. Penebusan hutang Kerajaan juga lebih rendah pada RM7.0 bilion (S4 2015: RM8.2 bilion) dalam tempoh ini, dan menyumbang lagi kepada peningkatan dana bersih yang diperoleh sektor awam.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2015			2016
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**13.2**	**13.5**	**46.8**	**18.7**
Sekuriti Kerajaan, Kasar	27.0	21.7	100.4	25.7
Sekuriti Kerajaan Malaysia	13.5	10.9	51.3	12.1
Terbitan Pelaburan Kerajaan	9.5	10.9	41.1	13.6
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	4.0	-	8.0	-
Tolak: Penebusan	13.8	8.2	53.6	7.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11.8	8.2	41.1	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	2.0	-	12.5	7.0
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**8.3**	**37.9**	**62.8**	**6.7**
Saham	4.7	7.5	17.9	1.1
Sekuriti Hutang Swasta, Bersih	3.6	30.5	44.9	5.6
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*11.4*	*40.6*	*85.6*	*18.4*
Tolak: Penebusan	*7.8*	*10.1*	*40.8*	*12.7*
Jumlah	**21.5**	**51.4**	**109.6**	**25.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan Sekuriti Hutang Swasta Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1] Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan juga terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor swasta, pembiayaan bersih dalam pasaran modal menurun disebabkan terutamanya oleh terbitan kasar yang lebih rendah dan penebusan yang lebih tinggi dalam pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Berikutan terbitan PDS yang ketara lebih tinggi pada suku sebelumnya, dana kasar yang diperoleh dalam pasaran PDS adalah lebih rendah pada suku pertama 2016, berjumlah RM18.4 bilion (S4 2015: RM40.6 bilion) Dana yang diperoleh dalam pasaran PDS terutamanya daripada sektor *Kewangan, Insurans, Harta Tanah dan Perkhidmatan Perniagaan* dan digunakan terutamanya untuk tujuan modal kerja.

Kadar hasil bon menurun, terutamanya pada keluk kadar hasil untuk tempoh matang yang lebih panjang

Kadar hasil MGS terus menurun pada suku pertama 2016, mencerminkan permintaan bukan pemastautin yang berterusan terhadap bon kerajaan Malaysia. Pelabur bukan pemastautin meningkatkan pemegangan MGS sebanyak RM9.4 bilion pada suku pertama, dan RM5.7 bilion daripadanya diperuntukkan untuk sekuriti dengan tempoh lebih daripada 5 tahun. Hasilnya, kadar hasil bagi MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun sebanyak 5.5, 4.2 dan 38.4 mata asas. Dalam pasaran PDS, kadar hasil kekal stabil disebabkan oleh permintaan yang berterusan oleh pelabur tempatan.

Urus niaga lebih tinggi dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder adalah lebih tinggi pada RM254.1 bilion pada suku pertama (S4 2015: RM 173.9 bilion), mencerminkan aktiviti urus niaga yang lebih aktif antara bukan pemastautin dengan institusi kewangan. Secara khususnya, mudah tunai dagangan dalam pasaran MGII meningkat lebih daripada dua kali kepada 0.45 (S4 2015: 0.19), mencerminkan permintaan pelabur yang lebih kukuh terhadap terbitan baharu pada suku pertama. Walau bagaimanapun, nisbah mudah tunai dalam pasaran MGS dan PDS secara relatif tidak berubah, masing-masing pada 0.33 dan 0.08 (S4 2015: 0.33, 0.05).

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI terus meningkat

Pada suku pertama 2016, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI meningkat 1.5% untuk ditutup pada 1,717.6 mata pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2015: 1,692.5 mata).

Peningkatan ini sejajar dengan trend yang dicatat dalam pasaran ekuiti serantau dalam keadaan kesanggupan mengambil risiko yang meningkat dalam kalangan pelabur global terhadap aset kewangan pasaran sedang pesat membangun. Sentimen pelabur global yang meningkat disebabkan oleh jangkaan bahawa pengembalian semula kadar faedah ke paras yang wajar serta pada kadar yang lebih perlahan di Amerika Syarikat dan pemulihan dalam harga minyak mentah Brent.

Pengumuman Pengubahsuaian Bajet 2016 dan data ekonomi negara yang positif juga memberikan sokongan kepada pasaran saham domestik pada suku pertama. Susulan itu, aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran ekuiti domestik berjumlah RM5.5 bilion pada suku ini.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran kekal pada RM1.71 trilion pada akhir bulan Mac 2016 (akhir bulan Disember 2015: RM1.70 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.88 bilion unit (S4 2015: 2.23 bilion unit) pada suku pertama.

Pada 11 Mei 2016, KLCI ditutup lebih rendah pada 1644.6 mata (sejak akhir bulan Mac

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2016 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2015			2016
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,830.8	1,692.5	1,692.5	1,717.6
FBMEMAS[1]	12,563.4	11,793.7	11,793.7	11,920.8
Pasaran ACE[2]	7,120.2	6,389.2	6,389.2	5,637.0
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,737.5	1,695.2	1,695.2	1,707.4
Bilangan syarikat yang disenaraikan	903	903	903	904
	Pada tempoh			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	2,107.4	2,234.0	2,038.3	1,875.8
Nilai (RM juta)	2,177.4	2,149.7	2,082.2	2,052.2

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2015						2016	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	124.3	128.5	138.5	133.3	501.4	512.2	112.5	124.1
Antaranya:								
Papan Utama	75.8	117.7	82.5	121.4	299.1	464.6	76.3	117.0
Antaranya								
Produk Pengguna	7.4	6.4	7.0	6.8	26.9	25.6	8.8	7.3
Produk Industri	12.8	11.1	19.1	21.8	59.0	60.0	14.6	19.3
Pembinaan	3.7	5.9	3.9	4.6	16.5	22.9	4.1	5.3
Dagangan/Khidmat	32.7	55.4	32.4	51.3	124.7	204.3	30.7	48.0
Kewangan	3.5	21.3	2.9	17.7	12.8	79.6	3.1	20.1
Harta Benda	5.4	4.8	7.5	5.0	23.7	18.9	6.4	3.4
Perladangan	1.0	3.5	1.7	5.0	5.0	15.6	1.6	5.9
Infrastruktur	1.0	4.4	1.0	4.3	4.2	18.8	0.8	3.2
Pasaran ACE[1]	41.2	8.7	36.7	8.3	139.2	32.2	20.5	4.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

2016: -4.3%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.65 trilion (sejak akhir bulan Mac 2016: -3.1%).

Kekukuhan ringgit didorong oleh faktor dalam dan luar negeri

Ringgit dan mata wang serantau yang lain menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku pertama. Ini disebabkan oleh prestasi ekonomi AS yang lebih lemah daripada jangkaan yang mendorong kepada jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengambil langkah yang lebih perlahan untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang wajar. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai jauh lebih ketara berbanding dengan mata wang utama dan serantau yang lain. Ini didorong oleh pengumuman data ekonomi negara yang positif, pemulihan harga minyak mentah Brent dan pengumuman Pengubahsuaian Bajet 2016. Faktor-faktor ini meningkatkan sentimen pelabur terhadap ekonomi Malaysia dan menyumbang kepada peningkatan minat pelabur terhadap aset kewangan ringgit.

Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 9.4% berbanding dengan dolar AS pada suku pertama. Ringgit

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2016)



Sumber: Bank Negara Malaysia

juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (13.1%), euro (5.7%), dolar Australia (4.4%) dan yen Jepun (2.2%). Berbanding dengan semua mata wang serantau, ringgit juga menambah nilai antara 4.6% hingga 9.0%.

Antara 1 April hingga 11 Mei 2016, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS (-3.3%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-3.9%), paun sterling (-4.0%), dan yen Jepun (-6.4%). Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Australia (0.7%). Ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang serantau.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh			% perubahan sejak*	
	S1 2015	S4 2015	S1 2016	S1 2015	S4 2015
Dolar AS	3.7165	4.2920	3.9220	-5.2	9.4
Euro	4.0153	4.6918	4.4377	-9.5	5.7
Paun sterling	5.4935	6.3607	5.6234	-2.3	13.1
Dolar Australia	2.8329	3.1338	3.0009	-5.6	4.4
100 yen Jepun	3.0903	3.5645	3.4892	-11.4	2.2
Dolar Singapura	2.6997	3.0356	2.9023	-7.0	4.6
100 baht Thailand	11.423	11.922	11.134	2.6	7.1
100 peso Filipina	8.3111	9.1494	8.5233	-2.5	7.3
100 rupiah Indonesia	0.0284	0.0311	0.0295	-3.9	5.2
100 won Korea	0.3342	0.3651	0.3427	-2.5	6.6
100 dolar Taiwan Baharu	11.874	13.056	12.180	-2.5	7.2
Renminbi China	0.5993	0.6610	0.6064	-1.2	9.0

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti dalam pasaran derivatif pertukaran asing lebih rendah berikutan turun naik pasaran menjadi stabil

Pada suku pertama 2016, pasaran derivatif pertukaran asing mencatatkan jumlah yang lebih rendah sebanyak USD240.9 bilion (S4 2015: USD268.6 bilion) selaras dengan penurunan dalam pasaran spot pertukaran asing. Urus niaga swap, yang mencakupi 84% daripada jumlah aktiviti pasaran derivatif, menurun sebanyak 13.0% apabila bukan pemastautin yang merupakan peserta paling aktif mengurangkan dedahan domestik dan keperluan perlindungan nilai berikutan aliran keluar modal pada tahun lepas. Sebaliknya, pemastautin terus aktif menguruskan dedahan mata wang asing mereka kerana menjangkakan ringgit menjadi lebih kukuh melalui urus niaga hadapan, yang meningkat sebanyak USD3.8 bilion atau 18.4% dari segi pertumbuhan tahunan.

Pada akhir suku pertama 2016, kos peminjaman dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang ialah 73 mata asas, yang berada dalam julat paras penutup suku sebelumnya (75 mata asas). Pada bulan Februari 2016, kos menurun sementara kepada 65 mata asas berikutan mudah tunai dolar AS di dalam negeri yang meningkat disebabkan oleh aliran masuk modal bersih pada tempoh itu, sebelum menjadi stabil melebihi 70 mata asas pada bulan Mac 2016.